

KENYATAAN TAWARAN

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp") adalah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan yang ditubuhkan untuk membangunkan dan menjadi pemilik Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("Projek KVMRT"). Kerajaan Malaysia juga telah melantik MMC GAMUDA KVMRT (PDP) SDN BHD (927050-H) sebagai Rakan Pelaksana Projek yang bertanggungjawab dalam melaksana dan memastikan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang beroperasi dengan sepenuhnya.

Pembida adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar untuk kerja-kerja yang dinyatakan di dalam jadual berikut:

TAJUK TAWARAN & NO. TAWARAN	SYARAT-SYARAT TAWARAN			
	Syarikat Tempatan	Syarikat Kepunyaan Asing	Syarikat Antarabangsa	TAKLIMAT TAWARAN & LAWATAN TAPAK MANDATORI
<p>REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE DESIGN, BUILT, OPERATE AND TRANSFER (DBOT) ADVERTISING MEDIA FOR PROJEK MASS RAPID TRANSIT (MRT) LEMBAH KELANG – JAJARAN SUNGAI BULOH-KAJANG (KVMRT- SBK LINE) FOR MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN. BHD.</p> <p>(NO. TAWARAN: MRTCORP/KVMRT-SBK/CS/03/003/2016)</p>	<p>Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di bawah Kod Bidang:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) 222001 2) 222002 3) 222003 4) 222004 5) 222005 6) 222007 7) 222008 8) 222009 	<p>a) Ditubuhkan di Malaysia</p> <p>Salinan Borang 8 atau Borang 9 atau Borang 13 atau Borang 14A yang disahkan (jika ada)</p> <p>dan/atau</p> <p>b) Berdaftar di Malaysia</p> <p>Salinan Borang 83 atau Borang 83A yang disahkan (jika ada)</p>	<p>Salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh pihak berkuasa di negara asal</p>	<p>Tarikh : Khamis, 21 April 2016 Masa : 10.00 pagi</p> <p>Tempat : Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, Perak Auditorium, Level 7, Menara I & P 1, 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</p> <p>Semua pemohon dikehendaki untuk mendaftar di antara pukul 9.15 pagi sehingga 9.45 pagi. Hanya dua (2) wakil dari setiap pemohon akan dibenarkan.</p> <p>Wakil-wakil dari pihak pembida yang berminat mestilah kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tawaran dan kontrak untuk kerja-kerja di atas serta diberi kuasa oleh syarikat.</p>

Dokumen Tawaran boleh dibeli mulai **21 April 2016 (selepas taklimat dan lawatan tapak)** sehingga **28 April 2016** dari:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN TAWARAN	MASA JUALAN DOKUMEN TENDER
Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I&P1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.	Isnin hingga Khamis: 9.00 pagi - 12:30 tengahari dan 2:00 petang - 5:00 petang Jumaat: 9.00 pagi - 12:00 tengahari dan 3:00 petang - 5:00 petang

Pembelian Dokumen Tawaran mestilah disertakan dengan Draf Bank atau 'Banker's Cheque' dengan nilai **RM 2,230.00 (termasuk 6% GST)** dan atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd**. Draf bank ataupun Banker's Cheque tidak akan dikembalikan.

Dokumen Tawaran yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas Tajuk Tawaran dan Nombor Tawaran di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di MRT Corp, Jabatan Perolehan tidak lewat dari jam **12:00 tengahari, Khamis, 2 Jun 2016**. Semua penyerahan lewat akan dibatalkan.

Selain dari syarat-syarat Tawaran di atas, Pemohon **WAJIB** memenuhi Kriteria Wajib seperti berikut:

KRITERIA WAJIB	
Pembida prospektif yang memenuhi kriteria berikut dan berminat untuk menawarkan khidmat bagi melakukan kerja-kerja di atas adalah dijemput untuk menghantar dokumen-dokumen tawaran yang telah dilengkapkan.	
KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN	PENGALAMAN KERJA-NILAI PROJEK
<ol style="list-style-type: none"> a) Modal Berbayar tidak kurang daripada Ringgit Malaysia: Satu Juta (RM1 Juta) (berdasarkan Tahun Kewangan terkini) b. Purata Nisbah Keuntungan Bersih/<i>Turnover</i> positif selama LIMA (5) tahun berturut-turut 	<ol style="list-style-type: none"> a. Berpengalaman luas (minima LIMA (5) tahun) dalam Media Pengiklanan merangkumi perancangan strategik, strategi pemasaran serta melaksanakan kerja-kerja menyediakan panel dan fasiliti pengiklanan, pemasaran, jualan, operasi, penyelenggaraan dan pengurusan media pengiklanan. Pengalaman dalam Sektor Media Pengiklanan Metro dan Transit adalah merit tambahan. b. Pembida Syarikat / Konsortium / Usahasama harus mempunyai sekurang-kurangnya LIMA (5) tahun pengalaman dalam operasi dan penyelenggaraan media pengiklanan <i>Out-of-home (OOH)</i> di mana TIGA (3) tahun daripadanya merupakan pengalaman dalam pengendalian operasi dan penyelenggaraan Media Pengiklanan Transit. c. Syarikat tempatan berkepakaran dalam media pengiklanan luar tanpa pengalaman dalam Media Pengiklanan Metro dan Transit digalakkan untuk turut serta secara usahasama bersama syarikat antarabangsa yang mempunyai pengalaman tersebut bagi melayakkan diri untuk menyertai tawaran ini. d. Syarikat antarabangsa berkepakaran dalam Pengiklanan Metro dan Transit adalah digalakkan untuk menyertai tawaran ini. e. Semua Pembida Syarikat / Konsortium / Usahasama wajib memenuhi kuota 30% Bumiputera untuk turut serta.

Nota:

1. Pembida dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berpengalaman serta berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan dan di bawah kod pendaftaran seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh ditetapkan.
2. Pembida **WAJIB** menghadiri sesi taklimat tawaran dan lawatan tapak sepertimana yang dijadualkan di atas.
3. Dokumen Tawaran akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Pembida boleh meneliti Dokumen Tawaran sebelum membuat pembelian.
4. Dokumen Tawaran hanya akan dijual kepada Pembida yang telah menghadiri sesi taklimat tawaran dan lawatan tapak seperti dijadualkan di atas. MRT Corp **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Tawaran sebelum dan/atau selepas waktu yang telah ditetapkan.
5. Dokumen Tawaran ini hanya akan dijual kepada wakil Pembida yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil Pembida **WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan** sebagai wakil berserta sijil-sijil pendaftaran yang '**ASAL**' dan **SALINAN YANG DISAHKAN (oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A)**' seperti dinyatakan di atas.
6. Kesemua pembida mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
7. Pembida adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dim JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
8. Dengan mengeluarkan kenyataan tawaran ini, MRT Corp tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tawaran yang paling tinggi atau mana-mana tawaran.
9. Sebarang pertanyaan berhubung dengan tawaran ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **603-2095 2121** atau e-mail ke procurement@mymrt.com.my.